

# Orientalisme dalam Pengajian Melayu\*

Azhar Ibrahim Alwee  
Institut Pendidikan Nasional

*“The cultural mummification leads to a  
mummification of individual thinking”<sup>1</sup>*  
Frantz Fanon

## Pengenalan

Kertaskerja ini membicarakan kesan gaya pemikiran Orientalisme yang mempengaruhi beberapa sudut dalam pengajian Melayu. Tentunya perbincangan ini tidak bersifat *exhaustive* tetapi ingin menekankan peri pentingnya memahami batasan atau halangan yang dikenakan oleh Orientalisme ke atas keserjanaan pengajian Melayu. Wacana Orientalisme, yang terhasil dalam zaman penjajahan mengandungi banyak prejudis dan stereotaip, sebenarnya ( dan malangnya ) berlanjutan dalam keserjanaan pasca-kolonial. Saya ingin mengaitkan kesinambungan Orientalisme dalam keserjanaan kita dewasa ini, sebagai salah satu fenomena krisis keterasingan intelektual ( *intellectual alienation* ) di kalangan sarjana-sarjana pribumi atau tempatan.

---

\* Kertaskerja ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu ke-2, anjuran Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, pada 1-3hb September 2002.

<sup>1</sup> [ *Pemumiaan budaya akan membawa kepada pemumiaan pemikiran individu* ]

Orientalisme, sebagaimana yang dikupas oleh Edward Said dalam bukunya *Orientalism*, umumnya adalah tanggapan Barat tentang Timur/ Orient. – iaitu persepsi, pemahaman dan takrifan Barat ke atas manusia dan masyarakat Timur. Menurut Said, dalam mentakrifkan dan memperbataskan apakah itu Timur, Barat ( atau si Orientalis ) cuba memberi takrifan atas dirinya sendiri, dan ini dapat dilihat secara tersurat atau tersirat-- iaitu tanggapan bahawa manusia/masyarakat Timur itu berbeda dan rendah peradabannya, berbanding dengan Barat. Wacana Orientalisme, tambah Said, menunjukkan betapa kuasa dan ilmu tidak dapat tidak terangkum dan ianya memberi kesan yang tidak diinginkan dalam keserjanaan pribumi.<sup>2</sup>

Umumnya, dunia Orient/Timur itu diperlekatkan atau dipertentukan dengan ciri-ciri berikut: ( a ) ianya monolitik; ( b ) ianya statis, tidak berubah dan bersifat ketidakboleh-berubahan ; ( c ) ianya rendah mutu, simpel dan irasional; ( d ) ianya primitif, tetapi eksotik dan aneh serta mistis memukau. Perlu diingatkan wacana Orientalisme bukanlah suatu keupayaan akademik yang tulen, biarpun laungan dasar objektif dan saintifik diperlaungkan. Perlu dimaklumkan, wacana Orientalis itu juga tidaklah dapat kita kelompokkan bahawa ianya semuanya sama. Namun, pendekatan para Orientalist mengkaji dan menghuraikan Timur, beberapa kecenderungan idea dapat kita kesani:

( a ) Ianya bersifat *ahistorical* dalam perpektifnya. Pemikiran *ahistorical* adalah suatu pemikiran yang tidak mengendahkan perubahan yang berlaku dalam lingkungan dan kelaziman budaya sesuatu masyarakat dari zaman ke zaman. Tetapi dalam mengkaji

---

<sup>2</sup> Terdapat tiga penekanan dalam wacana Orientalisme, yang kesemuanya saling keterkaitan: ( a ) sebagai disiplin akademi; ( b ) sebagai suatu gaya pemikiran dan ( c ) sebagai sebuah institusi gabungan untuk berhadapan dengan masyarakat Timur.

masyarakat Timur, contohnya masyarakat Melayu, ketidakberdayaan berubahnya masyarakat Melayu itu dilelatakan sebagai sifat semulajadi kebudayaan Melayu, tanpa mereka menyedari bahawa dalam sejarah manusia, tiada kelompok masyarakat yang tidak terlepas dari perubahan.

( b ) Berleluasanya stereotaip, di mana prejudis ras begitu ketara. Contohnya, dalam percubaan Orientalis menerangkan kemunduran ekonomi dan keterciciran pendidikan pribumi, mereka berpegang kepada penjelasan bahawa ini terjadi kerana watak pribumi itu ( a ) malas sifatnya ditambah pula ( b ) fatalis dalam kepercayaan agama mereka dan ( c ) senang dengan apa yang mereka sudah ada, ( d ) faktor genetic yang rendah dan sebagainya.<sup>3</sup> Dengan itu, si Orientalis meng-*essentialize* pribumi, mengecap mereka sebagai kelompok yang secara sifat alamiahnya tidak berkemampuan untuk berubah atau menyesuaikan kehidupan mereka.

( c ) Penjelasan-penjelasan reduksionis yang begitu meluas. Kemunduran masyarakat Melayu contohnya, dikaitkan dengan penjelasan-penjelasan yang tidak difikirkan secara mendalam. Contohnya: Melayu “*fatalist*”, --- yang datang kononnya dari ajaran Islam. Lain-lain ialah: “*easily contented*,” “*Malays do not think about money*,” dsb. Faktor-faktor yang menghambat kemajuan masyarakat, seperti yang diketengahkan dalam sains sosial, seperti peranan elit yang dominan, ideologi menyimpang dalam masyarakat, faktor kolonial yang menjerat struktur perekonomian pribumi, tidak dibincangkan, malahan disenyapkan.

( d ) Keasyikkan tumpuan kepada pendekatan kajian tekstual atau filologikal. Kajian Orientalis banyak tertumpu kepada pengedisian teks-teks yang ditransliterasi dan pencarian

---

<sup>3</sup> Sila rujuk Syed Hussein Alatas, *The Myth of the Lazy Native*. ( London: Frank Cass, 1977 ).

kepada versi-versi teks yang otentik/asli. Mereka asyik dengan penghuraian leksikon dan perubahan semantik yang terdapat dalam teks. Bagi mereka, dengan mengkaji teks, hanya dengan analisis kepada perkataan dan lapisan etimologinya, mereka akan menemukan suatu 'rahsia' mengapa pribumi itu bertindak atau berfikir sedemikian rupa, tanpa menghiraukan kondisi sejarah, kelompok yang berkepentingan dalam masyarakat serta ideologi-ideologi yang mewarnai penulisan dan nilai yang terdapat dalam sesebuah teks itu. Contohnya dalam percubaan memahami budaya politik Timur, pengkaji Orientalis bukan saja memberati kupasan teks tetapi juga mengandaikan bahawa budaya politik pribumi itu tetap (*fixed*) tanpa menghiraukan faktor tempat, masa dan lingkungan kelompok yang berpegang kepada suatu fahaman politik.

( e ) Keterpinggiran atau keterabaian memanfaatkan perspektif atau pendekatan sains sosial diagnostik dalam kajian mereka. Menarik diperhatikan, bagi sesetengah Orientalis, perspektif sains sosial itu janggal dan aneh kalau digunakan dalam membicarakan fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat Timur. Masyarakat itu umumnya "*peculiar*" dan tidak memerlukan perspektif sains sosial untuk menjelaskan institusi dan fenomena sosial serta perbenturan nilai dan ideologi yang berlaku di dalam masyarakat itu. Jarang sekali, dapatan-dapatan dari bidang antropologi, sosiologi, psikologi dikaitkan dalam kajian Orientalis. Walaupun kesungguhan keserjanaan Orientalis itu gigih mengumpulkan data harus diberi kepujian tetapi sukar untuk kita nafikan bahawa kelangkaan dapatan sains sosial menunjukkan sikap anti-intelektual yang nanti akan mengakibatkan kesan serius kepada keserjanaan di kalangan intelektual pribumi selepas kemerdekaan.

( f ) Beberapa subjek tidak dibincangkan, iaitu dipinggirkan atau disenyapkan. Ertinya wacana Orientalisme ditentukan oleh selera intelektual dan motivasi si orientalis itu. Ada di beberapa tempat tertentu, motivasi kajian ingin ‘membuktikan’, biar tidak eksplisit, kecapaian kebudayaan yang rendah di kalangan peribumi yang terjajah.

Tentunya, kita maklum kupasan Said dikritik oleh sesetengah liga sarjana. Bukanlah tempatnya di sini untuk mengupaskannya, sekadar ingin dipertegas, betapapun ada kelemahan Said dalam perbincangan tentang Orientalisme, namun kita tidak boleh meremehkan bahawa cengkaman pemikiran kolonial masih menyelina dalam berbagai bentuk, khasnya dalam kesarjanaan kita.<sup>4</sup> Kita harus selalu awas akannya, sebagaimana diperingat oleh Prof. Syed Hussein Alatas sebagai *“uncritical transmission of thought [which] can be regarded as unconscious continuation of colonialism, not in the political but in the cultural sense....The forces which has released and nurtured in the course of centuries are still actively moving towards crises and disturbances.”*<sup>5</sup> Dalam hal yang sama, Bryan S Turner menyebut: *“the process of de-colonization clearly cannot be separated from the de-colonization of thought.”*<sup>6</sup>

Untuk memberi suatu contoh betapa pemikiran Orientalisme menjalar dalam Pengajian Melayu, saya akan membicarakan beberapa tanggapan sarjana-birokrat kolonial, iaitu R. O. Winstedt ( 1878-1966 ). Kajian-kajian Winstedt tentang kesusasteraan, kebudayaan, kepercayaan dan sebagainya amat banyak. Tetapi suatu buku yang tersiap dikarangnya pada

---

<sup>4</sup> Untuk merujuk sokongan dan kritis ke atas hujah Said, baca Macfie, *Orientalism, A Reader*. ( New York: New York University Press, 2000 )

<sup>5</sup> Syed Hussein Alatas, “Some Fundamental Problems of Colonialism,” *Eastern World*, Nov. 1956, h. 9

<sup>6</sup> Turner, *Orientalism, Postmodernism and Globalism*. (London: Routledge, 1994 ) h. 100

1940, iaitu *A History of Classical Malay Literature* memperlihatkan betapa kesinambungan Orientalisme Winstedt itu berterusan sehingga hari ini. Buku beliau itu, pada suatu masa menjadi rujukan *authoritative* dalam kajian kesusasteraan Melayu klasik. Malahan, yang anehnya, walaupun dunia ilmiah diperdepankan dengan banyak pendekatan *multi-disciplinary*, pola kajian Winstedt, nampak gayanya masih bertahan, biarpun dalam rupa wajah yang baru.<sup>7</sup>

Pendekatan Winstedt dalam mengkaji dan menghuraikan sastera Melayu klasik umumnya bersifat *formalistic-philological* dengan penekanan diberikan kepada perkara-perkara berikut: ( a ) kepelbagaian versi-versi teks ; ( b ) pengarang-pengarang dan asal-usulnya ; ( c ) pentarikan karya; ( d ) pengaruh-pengaruh luar yang mendasari karya selain memuatkan ikhtisar-ikhtisar teks. Pola kajian Winstedt ternyata berkesinambungan kerana banyak buku dan pembicaraan menuruti pola kajiannya.<sup>8</sup> Yang paling ketara dalam penumpuan Winstedt ialah mencari dan mengaitkan pengaruh-pengaruh luar dalam kesusasteraan Melayu, khasnya pengaruh India.<sup>9</sup> Sehingga dalam perbincangan magis Melayu, Winstedt ghairah menunjukkan ianya dipengaruhi seawalnya dari peradaban luar, dan susur galurnya dapat dikaitkan dari tamadun

---

<sup>7</sup> *A History of Classical Malay Literature*. Revised, Edited and Introduced by Y A Talib. ( Petaling Jaya: M.B.R.A.S. Reprint No.12 )

<sup>8</sup> Periodisasai perkembangan sastera Melayu yang dikemukakan Winstedt bermasalah. Rujuk Amin Sweeney, *A Full Hearing, Orality and Literacy in the Malay World*. ( Berkeley: University of California Press, 1987 ) Usaha untuk memperbaiki pembahagian zaman ini dibuat dalam, Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad (peny.). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. ( KL:DBP, 1993 )

<sup>9</sup> Pandangan seperti ini bukan saja dipegang Winstedt, tetapi ramai di kalangan penulis colonial seperti Royal Braddel yang menyimpulkan bahwa dasar kebudayaan Melayu tiadalah lain melainkan diimport dari India semata: “No one at this date could doubt that the basis of Malay culture is Indian:...Remove the uppermost layers or Islam, take away the lowermost aboriginal layer and what remains is Indian, so that to this day it may be said that the large part of Malay culture is ancient Indian in origin.” Rujuk “An Introduction to the Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca” *JMBRAS* Vol. XIV pt.III, 1936. h. 39

Babylonian!<sup>10</sup> Dalam prakata bukunya *A History of Classical Malay Literature*, Winstedt sudah menyimpulkan: “Any one who surveys the field of Malay literature will be struck by the amazing abundance of its foreign flora and the rarity of indigenous work.”<sup>11</sup> Jelasnya, dalam keghairahan membuktikan bahawa tamadun Melayu sekadar meresap masuk pengaruh luar, secara tidak langsung, Winstedt meminggirkan penghuraian betapa dalam proses penyerapan itu, terjadi sintesis dan pemilihan oleh *local genius*. Prof Muhd Hj Salleh menyimpulkan: “...dia memaksa dirinya, walaupun tanpa bukti, untuk memperlihatkan bahawa bangsa Melayu itu bangsa peniru dan tidak mempunyai genius tempatan.”<sup>12</sup>

Perbincangan Winstedt tentang kebudayaan Melayu jelas menunjukkan idea kebudayaan yang bersifat statis dan *ahistorical*. Baginya, konsep kebudayaan itu ialah gagasan idea, praktis dan teknis yang diwarisi oleh orang Melayu sehingga mempengaruhi cara kehidupan mereka. Dalam menjelaskan apakah itu kebudayaan Melayu, Winstedt telah mencirikannya sebagai sesuatu yang telah tetap (*fixed*) dan kebanyakan bersumber dari luar. Nada rasa “takjubnya” (ciri eksotik tetapi bernada meremehkan) tersirat dalam penulisannya berikut:

“Malay culture includes a fear of nature spirits, an instinctive perception of the ‘unbecoming’ rather than of the sinful and the criminal, the séance of the shaman, the Hindu ritual of a royal installation, the celebration of the Muhammaddan New Year, the sermon in the mosque, the pilgrimage to Mecca, Sufi myticism, the Hamlet of the Malay opera, the curry, football, the cinema and the mistranslations of the vernacular press. It includes, indeed, much more, but compared with (

---

<sup>10</sup> Baca *The Malay Magician*. (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993.)

<sup>11</sup>*A History of Classical Malay Literature*, h. ix

<sup>12</sup> Rujuk Muhammad Haji Salleh, “Richard Winstedt: Sarjana Atau/Dan Penulis Kolonial,” dlm. Seminar Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarabangsa. DBP, 1989. Dalam kajian tentang mistisisme Hamzah Fansuri, ramai sarjana Barat hanya menumpukan bagaimana simbol dan alegori sufi Asia Barat mengilhami syair-syair Hamzah, dan jarang pula mengkaji intipati tasawuf Hamzah serta kesannya kepada pemikiran keagamaan Melayu.

comparatively few ) great cultures of the world it has been derivative, owing ideas and practices to prehistoric influences of central Asia, to the kinship and architecture of Assyria and Babylon, to bronze-workers and weavers from IndoChina, to the religion and arts and literature of India to the religion and literature of Persia and Arabia, to the material civilizations of Portugal, Holland and Great Britain and to the remote but compelling fantasies of Hollywood...”<sup>13</sup>

Jelasnya, dengan adanya persepsi tentang kebudayaan seperti ini, pengupasan tentang makna kebudayaannya dalam ungkapan sains sosial, tentunya terbantut.<sup>14</sup> Makanya hari ini, dengan adanya sesetengah sarjana yang tidak dapat melihat keterbatasan dan prejudis dalam penulisan para sarjana kolonial, ataupun sarjana kontemporari yang dibayangi sains sosial pseudo, kajian tentang kebudayaan Melayu masih lagi dalam tingkat etnografik formal, mirip dengan apa yang pernah ditawarkan Winstedt.

## Kesinambungan Paradigma Orientalisme Masakini

Perlu diingatkan perbincangan Otrientalsime tidaklah patut dilihat sebagai keangkuhan menolak sumbangan yang diberikan oleh sarjana-sarjana awal, yang rata-rata dari Barat, dalam kajian tentang masyarakat Timur. Malahan tanpa penerokaan mereka dalam mengumpulkan data-data, Pengajian Melayu kini tentunya gersang dengan bahan-bahan.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> *The Malays, A Cultural History*, h. 1

<sup>14</sup> Bandingkan takrif dan konsepsi budaya sebagaimana yang dibincangkan oleh para sarjana seperti Huizinga, Mannheim dan Sorokin. Alas mentakrifkan budaya sebagai “*an inclusive term to indicate the religious outlook and practices, the social norms and values, the customs and mores and the specific mental and behavioural attitudes governing the life of people in specific societies.*” Rujuk *Modernization and Social Change: Studies in Modernization, Religion, Social Changes and Development in South-East Asia*. (Sydney: Angus and Robertson, 1972).

<sup>15</sup> Sebagaimana Anouar Abdel-Malek, mengingatkan jasa penerokaan Orientalis walaupun ada keterbatasan wacana mereka :“*the study of ancient civilizations, the gathering of [Oriental] into European libraries; the compilation of catalogues of manuscripts; the publication of a number of important works....the editing of*



Namun setelah mengiktiraf sumbangan mereka, kita terpanggil untuk menyatakan keterbatasan dalam wacana Orientalisme itu. Pertama bukan saja tersemat banyak pandangan dan penilaian yang negatif tentang budaya pribumi, tetapi juga pola kajian mereka telah menyempitkan skop intelektual dan kajian.

Walaubagaimanapun pada hemah saya, kita dalam Pengajian Melayu, umumnya belum lagi melihat ini sebagai suatu cabaran kepada peningkatan lapangan pengajian kita, ditambah lagi dengan ketaksuban di kalangan sesetengah kita untuk mempertahankan lapangan kajian masing-masing tanpa sebarang alasan yang rasional.<sup>16</sup>

Sebenarnya, inilah yang diketengahkan oleh Said apabila beliau mengatakan bahawa keserjanaan Arab masakinilah menjadi pengeluar ( *producer* ) Orientalism, bukan saja mereka memperlihatkan ketergantungan kepada hujah-hujah Orientalis, malahan juga menyuguhkan andaian-andaian mereka, tanpa dinilainya dengan kritis. Prejudis dalam kajian Orientalist adalah sesuatu yang terbiasa, sehingga ramai tidak lagi melihatnya sebagai bermasalah. Tanggapan – tanggapan negatif tentang manusia Melayu dan masyarakatnya, dibiarkan agak lama, sehingga ianya mempengaruhi pemikiran generasi yang terkemudian. Mitos yang

---

*studies, often deficient and erroneous from the linguistic point of view, yet rigorous in their method ...*” Dipetik dlm. Sardar, *Orientalism*, ( Buckingham: Open University Press, 1999 ) h. 59

<sup>16</sup> Menarik sekiranya kita fikirkan kritikan Said ke atas pengkhususan akademik yang menyempit: *“Specialization means losing sight of the raw effort of constructing either art or knowledge; as a result you cannot view knowledge and art as choices and decisions, commitments and alignments, but only in terms of impersonal theories or methodologies. To be specialist in literature too often means shutting out history or music, or politics. In the end as a fully specialized literary intellectual you become tame and accepting of whatever the so-called leaders in the field will allow. Specialization also kills your sense of excitement and discovery, both of which are irreducibly present in the intellectual’s makeup. In the end final analysis, giving up to the specialization is, I have always felt, laziness, so you end up doing what others tell you because that is your specialty after all.”* Rujuk, *Representations of the Intellectual*, ( New York: Vintage Books, 1996. ) h.77

mereka hidupkan itu sekarang sayangnya masih berkarat dan diterimapakai dalam generasi yang sedang bersungguh membina kebudayaan dan sasteranya.

Walaupun kita sering mendengar akan perlunya gabungan dan kesepaduan perspektif dari berbagai disiplin ilmu dalam telaah sastera, paradigma kajian Winstedt nampaknya masih bertahan. Malahan mengutip pandangan beliau difikirkan sebagai upaya kesarjanaan, seperti halnya mengutip pandangan para sarjana kolonial lainnya ( spt. Wilkinson, Drewes, dsb ) Pada satu masa, *Jurnal Dewan*, sebagai contoh, menyiarkan siri biografi intelektual para Orientalis yang mendalami pengajian Melayu-Indonesia. Rentetan pujian dan sanjungan dikalangkan, tetapi senyap pula dalam hal menyuarakan sikap kritis kepada beberapa pandangan dan fahaman pengakaji Orientalis tersebut. Penilaian yang tinggi kepada kesarjanaan kolonial ( yang sarat Orientalismenya ) juga menunjukkan selera intelektual di kalangan sarjana tempatan masakini.

Makanya, pengiktirafan kepada pandangan para Orientalist, boleh disimpulkan sebagai memperlihatkan kesarjanaan yang masih belum dapat melepaskan diri dari cengkaman ideologi kolonial. Seorang pengkaji tempatan sebagai contoh, setelah mengupas syair-syair Hamzah, mengutip pandangan Winstedt untuk menyuguhkan pendapatnya. Dalam hal ini saya, tidak mengatakan ianya bersalahan mengutip Winstedt tetapi ingin menunjukkan betapa personaliti Winstedt itu menjadi pakar yang *erudite* dan *authoritative* dalam pengajian Melayu.<sup>17</sup>

---

<sup>17</sup> Rujuk Muhammad Bukhari Lubis, *The Ocean of Unity, Wabdatul Wujud in Persian, Turkish and Malay Poetry*. ( KL:DBP, 1994 ) h. 308. Beliau menukil Winstedt : "For the skill with which these Malays with a vocabulary lacking it abstract terms were able to grasp and introduce Sufi mysticism to their world is very remarkable, and though their ideas were not original, in no other field has the Malay mind ever displayed such intellectual ability and subtlety."

Pendek kata, selagi keserjanaan kita masih lagi terpujau dengan pujian dan kalongan, ditambah lagi kelangkaan analisis kritis yang memikir-ulang, ianya akan menghambat kepada matlamat ke arah bitara keserjanaan Melayu.

Nyata sesetengah pengkaji tempatan sukar untuk membebaskan dari perhatian yang berlebih tentang soal genre dan unsur-unsur luar yang mewarnai sastera Melayu klasik. Seawalnya, pola Winstedt dapat kita perhatikan, sedikit sebanyak dalam perbicaraan Liao Yock Fang *Sejarah Sastera Melayu Klasik* dan juga buku yang diterbitkan oleh DBP, *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, hasil tulisan beberapa sarjana Melayu. Lain perkataan, keterikatan perbincangan masih lagi dalam lingkungan yang dibicarakan oleh Winstedt, iaitu umumnya berkisar tentang sejarah sastera, ( *literary history* ) biarpun ramai yang mengkritik keterbatasan dan kelemahan Winstedt. Perlu diperingatkan di sini, kajian sastera yang hanya dibatasi dengan soal sejarah sastera akan membawa kajian sastera yang tidak ke mana, sebagaimana disinggung G Lukacs: “*Literary and art history is a mass graveyard where many artist of great talent rest in deserved oblivion because they neither sought nor found any association to the problems of advancing humanity and did not set themselves on the right side in the vital struggle between health and decay.*”<sup>18</sup>

Ada pula kajian yang bersifat *patronizing*, meletakkan ciri yang *fixed* serta memperlihatkan keeksotikisan terhadap hasil karya-karya lama. Seorang sarjana, sebagai contoh menulis tentang Hikayat Hang Tuah menyimpulkan:

“Hikayat Hang Tuah offered its ever-changing public a *vademecum*, in short: this is how you should behave and this is how you could act. It is the Malay counterpart of a Western encyclopedia that is based on different impulse: this is what you should know. For the Malays it seems as if

---

<sup>18</sup> G. Lucacs, *Writer and Critic and Other Essays*. (London: Merlin Press, 1978) h.109

*knowledge was not a system in which information was organized according to certain rules; rather, knowledge was a loosely and sequentially organized way of life, commemorative and wise. ....The best translation of 'encyclopedia' is 'hikayat'. With all the deficiencies and exuberances that come with it. And the best encyclopedia in the Malay world was the Hikayat Hang Tuah."*<sup>19</sup>

Pada hemah saya, sekiranya ada pendekatan yang bersifat mentafsir pemikiran dan nilai secara kritis, kita besar kemungkinan dapat mengelakkan penilaian yang berkulit dan tidak seimbang. Maksud saya, bukanlah kita tidak boleh memuji hasil karya, tetapi apabila pemujian/penilaian itu berlebihan sehingga mensenyapkan kekurangan dan permasalahan dalam teks dan keterkaitannya dengan persoalan nilai, moral dan pemikiran dalam masyarakat. Inilah kesan dari Orientalisme filologikal, di mana perihal kesejarahan teks, seni estetika dan perbandingan pengaruh budaya cuba digarap sebanyak-banyak, tetapi pengupasan sosiologikal tentang konflik nilai dan falsafah sosial sering terabai.

Dengan bertahannya pendekatan formalistik ini, halangan kepada kebitaraan dalam kesarjanaan Melayu akan terus wujud, melemahkan kemasukan perspektif sains sosial ke dalamnya. Sebenarnya kekiblatan kepada wacana Orientalisme, bukan saja terdapat dapat perbincangan 'ilmiah' dalam pengajian Melayu, tetapi juga sanjungan dan pengiktirafan kagum kepada pusat-pusat Orientalis di Amerika dan Eropah. Kesarjanaan tempatan mudah terpukau dan lebih ghairah untuk mendengar kupasan para Orientalis semasa. Sarjana "Malaystics" ( iaitu panggilan khas bagi pengkaji di Eropah & Amerika yang mendalami dunia Melayu ) diberi segala penghormatan dan pengiktirafan, walaupun ternyata pendekatan mereka tidak banyak berubah dari kesarjanaan Orientalis ( zaman kolonial ) serta gersang pula pemanfaatan dari sains sosial.

---

<sup>19</sup> Read H.M.J. "Tales of Hang Tuah, In Search of Wisdom and Good Behavior," h. 361. ( Saya tidak dapat mengesan sumber artikel ini )

## ***Orientalism in Reverse*** **( Orientalisme Kebalikan = Orientalisme Dalam )**

Orientalisme dengan pandangan prejudis dan reduksionis lama kelamaan membuah sanggahan ( reaksi defensif ) oleh segolongan sarjana tempatan selepas merdeka. Penulisan mereka lantang menghentam premis-premis yang prejudis, seringkali pula terucap dalam emosi dan penolakan semua ilmu dari Barat. Perlu diingat, tidak semua pendapat Barat tentang Timur, dipermudah kategorikan sebagai Orientalisme. Sarjana-sarjana tempatan seperti ini lantang menolak apa jua dari Barat, mengatakan Barat tidak memahami Timur kerana Timur ada ciri-ciri tersendiri berlainan dari Barat. Inilah fenomena yang disebut oleh seorang pemikir dari Syria, Sadiq Jalal al-Azm, sebagai *Orientalism in Reverse*.

Bagi al-Azm pola kajian dan pengupasan mereka bersifat tekstual, tidak beda dari *essentialistnya* para Orientalist: " *the typical Orientalist obsession with language, texts, philology and allied subjects.....[ where ] it seeks to unravel the secrets of the primordial [indigenous] 'mind', 'psyche', or 'character' in and through words.*" Walaupun al-Azm membincangkan hal ini dalam konteks masyarakat Arab masakini, ( iatu di kalangan intelektual Arab sekular dan golongan Islamiyyun ) namun ianya juga, pada hemah saya, dapat dikesan dalam pengajian Melayu.<sup>20</sup>

Di kalangan golongan Islamiyyun, kesimpulan *essentialist*, menurut al-Azm "*simply reproduce the whole discredited apparatus of classical Orientalist doctrine concerning the difference between East and West, Islam and Europe. This reiteration occurs at both the ontological and epistemological levels,*

---

<sup>20</sup> "Orientalism and Orientalism in Reverse," dlm. *Forbidden Agendas, Intolerance and Defiance in the Middle East*, h. 367-376

*only reversed to favour Islam and the East in its implicit and explicit value judgements."* <sup>21</sup>  
 Diputuskannya, Orientalisme kebalikan "*is, in the end, no less reactionary, mystifying, ahistorical, and anti-human than Ontological Orientalism proper.*"<sup>22</sup>

Dalam pengajian Melayu, ternyata apabila pandangan negatif Orientalis tentang pengaruh Islam dalam kesusasteraan Melayu disanggah oleh para sarjana tempatan, maka kita dapat lihat sanggahan itu mengambil pandangan yang hanya memberati unsur-unsur luaran Islam, yang dilihat sebagai Islami, tetapi tidak pula dikupas nilai-nilai yang terkandung di dalamnya sama ada ianya selari dengan penilaian agama dan kemanusiaan yang universal. Sebagaimana Orientalis melihat sejarah Timur sebagai statis, tidak berubah, maka ada sesetengah sarjana, apabila membicarakan tentang Islam dalam kebudayaan Melayu mengambil posisi *ahistorical*, bahawa Islam dalam masyarakat itu monolitik, tanpa menghiraukan betapa terdapat lebih dari satu orientasi Islam dalam kebudayaan Melayu.

Malahan pada suatu ketika bila Islamisasi ilmu mengghairahi dunia intelektual kita, ada pula sesetengah dari sarjana/penulis yang berpendirian seperti ini menghentam wacana Orientalisme dan ilmu-ilmu dari Barat untuk menjustifikasikan *intellectual insularity* dan penutupan minda di kalangan mereka. Ertinya wacana Orientalis disamaertikan dengan apa jua ilmu yang datang dari Barat, termasuk sains sosial. Malahan, pernah juga kita terdengar penolakan penggunaan sains sosial ( khasnya sosiologi ) dalam pengajian Melayu, dengan alasan ianya berasal dari epitemologi Barat yang sarat sekular dan berateisme. Bagi golongan ini, masyarakat Islam mesti dikaji dengan "pendekatan Islam" ( yang mana kabur juga takrif

---

<sup>21</sup> Ibid., h.372.

<sup>22</sup> Ibid., h. 376

mereka ), sealiran dengan pandangan para Orientalis bahawasanya penggunaan perspektif sains sosial harus ditolak kerana masyarakat Islam mempunyai ciri spesifik dan keunikan manusia yang berlainan dari Barat, dan yang memiliki kebudayaan yang tetap dan tidak berubah.

## **Orientalisme dan Keterasingan Intelektual (*Intellectual Alienation*)**

Analisis Frantz Fanon, seorang pemikir tentang masalah psikologikal yang berakibat dari penjajahan amat relevan dengan berbincangan kita mengenai implikasinya pemikiran Orientalisme dalam kesarjanaan kita. Saya berpendapat sekiranya, kita bersedia untuk membelah diri kita untuk mencari kekurangan dan keterlanjuran dalam tindak dan pemikiran kita, ianya akan dapat membantu kita merealisasikan pembentukan bitara kesarjanaan Melayu yang utuh dan cemerlang. Justeru itu, renungan Fanon berkenaan golongan intelektual pribumi yang mana masyarakat mereka pernah dijajah amat berguna. Pertama kita harus sedar betapa cengkaman kolonial itu telah merabun pandangan kita sehingga kita tidak lagi memberati atau memperduli masalah-masalah ideologi yang ada di dalam benak kita. Benar, penjajah telah lama meninggalkan kita, namun untuk mengatakan tiada kesannya kepada pemikiran kita adalah naïf. Dalam ungkapan Fanon, manusia kulit berwarna yang terjajah itu perlu dididik supaya *“not to be a slave of stereotypes that the whites try to impose upon him.”*<sup>23</sup>

Diingatkan oleh Fanon, ideologi kolonial merendahkan manusia terjajah kerana kulitnya, bahasanya, budaya dan gaya hidupnya dan pada masa yang sama mendodoikan tanggapan bahawa budaya kolonial/Barat itu sebagai berperikemanusiaan, rasional, mulia, murni, progresif dan putih bersih. Dalam wacana Orientalisme, kesarjanaan kolonial telah

---

<sup>23</sup> Frantz Fanon. *Toward the African Revolution*, [ tr. H Chevalier] ( New York: Grove Press, 1988 )

menetapkan ciri tetap dan tertutup ke atas budaya pribumi. Walaupun ramai intelektual pribumi selepas kemerdekaan lantang menolak kolonialisme, namun sayangnya banyak dari pandangan mereka mengumandangkan cara berfikir Orientalis yang bersifat stereotaip, prejudis dan reduksionis. Contohnya, manusia Melayu malas sering digendang sebagai ciri tetap untuk menjelaskan kemunduran masyarakat Melayu. Malahan dalam kesarjajaan mereka, penumpuan dan keprihatinan intelektual mereka, tidak banyak beda dari para sarjana kolonial yang sebelumnya.

Maka dalam keadaan inilah, terjadinya peniruan yang membudak ( *slavish imitation* ) kepada cara berfikir para Orientalis, dan ini disebut sebagai suatu jenis keterasingan intelektual oleh Fanon. Bagi beliau keterasingan itu bererti “*conditions of separation of the individual, his culture or his existential condition. ...[also as ] a denial or a suppression of the individuality.*” Fanon menunjukkan betapa dalam kesarjajaan pasca kolonial, ada di kalangan sarjana pribumi yang terjerat dengan keasyikan melafaz keindahan taman budaya dan sastera masyarakatnya, namun penilaian mereka masih berada dalam tingkat pukauan eksotik. Maka dalam kesarjajaan seperti ini, keterasingan intelektual timbul, apabila dendangan keindahan budaya terjadi, sehingga kita berromantis, terlalai untuk menghuraikan hal-hal semasa yang lebih patut dirongkai dan diselesaikan.<sup>24</sup> Pada hemah saya, pengertian konsep kebudayaan yang statik masih berleluasa kerana bukan saja kesarjajaan kita masih terikat dengan wacana Orientalis yang filologikal, tetapi sarjana pribumi sendiri mengadun pukauan baru dengan berangan dalam kemurnian taman sastera nan indah seperti yang pernah dilukiskan dalam wacana

---

<sup>24</sup> Fanon menghuraikan: “*one of the forms of this simplification. It allows no cultural confrontation. There is on the one hand a culture in which qualities of dynamism, of growth, of depth can be recognized. As against this, we find characteristics, curiosities, never a structure.*”



Orientalisme, tanpa menyedari kegersangan alam intelektual-rekonstruktif yang perlu disemai, dibaja, dijaga dan diutamakan.

Jelasnya, kita patut mengelakkan dari terjuman dalam gua *cultural aggrandizement* yang berdengung, membuta pula kepada kekurangan dan keterbatasan dalam kehidupan kebudayaan kita. Kesenambungan wacana Orientalis yang reduksionis dan essentialis harus kita tangani, kerana ianya bukan saja mematahkan semangat untuk kita berdiri dengan yakin, tetapi juga ianya membuaikan kita dengan idea-idea tersimpang, berpuashati dengan fahaman idea atau konsep yang sebenarnya lebih memberuntungkan *status quo* yang tertentu.

Hujah-hujah Fanon pula memperingatkan kita betapa tanpa disedari, jeratan pemikiran kolonial masih boleh melingkari di kalangan intelektual dan kesarjanaan kita. Memandang rendah kebudayaan sendiri atau bergendangan dengan kehebatan budaya sendiri adalah kesan yang lahir dari pemikiran kolonial. Ertinya, kesarjanaan kita, harus dibersihkan dari *inferiority complex* serta rasa taksub parokial untuk menyatakan kitalah yang unik dan berlainan. Jelasnya kolonialisme menumpulkan budaya berfikir kritis.

Penilaian kritis tentang kesarjanaan kita harus dibuat dari masa ke masa. Kita harus awas kepada sikap pelarian kepada realiti yang sebenar-- iaitu kesarjanaan yang mendodoikan-- enak didengar tapi boleh melekakan, sepertimana yang terdapat dalam wacana Orientalisme. Perlu diingat, walaupun kita boleh mengikhtiraf para Orientalis dengan kerajinan mereka mengulit bahan kebudayaan, tetapi penumpuan kajian mereka tidaklah berkenaan perkara yang terdesak dan terpenting yang harus dihurai terlebih dahulu dalam masyarakat kita hari ini. Prof Alatas pernah menyebut: *“foreign scholars tend to raise different problems than indigenous*

*scholars.*"<sup>25</sup> Dalam nada yang sama Prof Mohammed Arkoun menegaskan: *"..the Orientalist approach to Muslim societies expressly forgoes diagnosis, because Orientalists decline to interfere in questions that do not concern them as citizens of Western societies."*<sup>26</sup>

Makanya, inilah cabaran yang mana para sarjana dalam Pengajian Melayu sendiri mesti atasi sendiri. Memikir-ulang andaian dan kesimpulan kita perlu dilakukan dan tentulah ini memerlukan kepekaaan kepada sains sosial yang diagnostik dan rekonstruktif serta yang *problem-oriented*. Keterbukaan kepada kritis harus dibudayakan. Ketaksuban memelihara pengkhususan harus dilenturkan. Dan inilah persediaan asas, pada hemah saya untuk kita membina kebitaraan utuh dalam Pengajian Melayu. Akhirul kalam, izinkan saya menukil renungan Roger Bacon, yang saya rasa berguna untuk difikirkan oleh kita semua:

*"There are four chief obstacles to grasping truth, which hinder every man, however learned, and scarcely allow anyone to win a clear title to knowledge; namely, submission to faulty and unworthy authority, influence of custom, popular prejudice and concealment of our ignorance accompanied by the ostentatious display of our knowledge."*

\*\*\*\*\*

---

<sup>25</sup> Alatas, *Modernization and Social Change*, h. 191

<sup>26</sup> *Rethinking Islam*, ( Boulder: Westview Press, 1994 ) h. 119

## Rujukan

- Alatas, Syed Hussein. *The Myth of the Lazy Natives*. London: Frank Cass, 1977.
- Alatas, Syed Hussein. *Modernization and Social Change : Studies in Modernization, Religion, Social Changes and Development in South-East Asia*. Sydney: Angus and Robertson, 1972.
- al-Azm, Sadiq Jalal. "Orientalism and Orientalism in Reverse," dlm. *Forbidden Agendas, Intolerance and Defiance in the Middle East*, h. 367-376
- Arkoun, Mohamed. *Rethinking Islam*. Boulder: Westview Press, 1994.
- Fanon, Frantz. *Toward the African Revolution*, [ tr. H Chevalier] New York: Grove Press, 1988.
- Huizinga, Johan *In the Shadow of Tomorrow*. New York: The Norton Library. 1936.
- Kramer, Martin. *Ivory Towers on Sand, The Failure of Middle Eastern Studies in America..* The Washington Institute for Near East Policy, 2001.
- Liau, Yock Fang. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik I-II*. Jakarta: Penerbit Erlangga, 1991.
- Lukacs, G. *Writer and Critic and Other Essays*. London: Merlin Press, 1978.
- Macfie, A.L. *Orientalism, A Reader*. New York: New York University Press, 2000.
- Muhammad Haji Salleh, "Richard Winstedt: Sarjana Atau/Dan Penulis Kolonial? Seminar Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarabangsa, t.t.
- Braddel, Royal. "An Introduction to the Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca" *JMBRAS* Vol. XIV pt.III, 1936.
- Said, Edward. *Orientalism*. New York: Vintage Books, 1979.
- Said, Edward. *Representations of the Intellectual*. New York: Vintage Books, 1996.
- Sardar, Ziauddin. *Orientalism*. Buckingham: Open University Press, 1999.
- Siti Hawa Haji Salleh, (ed.) *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*. KL:DBP, 1987.
- Turner, Bryan S. *Orientalism, Postmodernism and Globalism*. London: Routledge, 1994.
- Winstedt, R.O. *A History of Classical Malay Literature*. MBRAS Reprint No. 12
- Winstedt, R.O. *The Malays, A Cultural History*. Singapore: Graham Bash, 1981.
- Winstedt, R.O. *The Malay Magician*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993.
- Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad (eds.). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. KL:DBP, 1993.